

PROGRAM KEMPEN CEGAH JENAYAH SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA
AIDILFITRI 2022 PERINGKAT IPD MELAKA TENGAH

MELAKA TENGAH, 26 April 2022 - Ibu Pejabat Polis Melaka Tengah telah mengadakan Program Kempen Cegah Jenayah Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022, di Bazar Ramadhan Taman Seri Duyong, Melaka yang dirasmikan oleh YDH DCP Dato' Zainol bin Hj. Samah, Ketua Polis Melaka.

Turut Hadir Encik Rosli Bin Osman, Pengarah JAS Melaka sebagai antara Ketua-Ketua Jabatan Negeri Melaka jemputan yang hadir bagi memeriahkan majlis ini.

Kempen ini bertujuan memberi fokus dan penekanan dari segi aspek keselamatan rumah serta harta benda yang ditinggalkan sepanjang musim perayaan. Meskipun pihak berkuasa memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan komuniti, masyarakat juga sangat penting bagi memastikan kejayaan kempen dicapai. Bergantung kepada komitmen dan sokongan padu dari masyarakat.

Polis Melaka juga mengingatkan orang ramai memastikan rumah dikunci dan tambahan keselamatan seperti rakaman litar tertutup (CCTV). Masyarakat/jiran perlu sentiasa jadi pemerhati kepada jiran tetangga dan sekiranya terdapat kenderaan atau orang yang disyaki meragukan boleh memaklumkan kepada pihak polis menerusi HOTLINE IPD Melaka Tengah: 06-2841999 atau Talian MERS 999.



